

02/02/1997

Memulihkan budaya wacana kritis

A Nazri Abdullah

PEMIKIR keluaran Oktober-Disember 1996 menyiarkan beberapa rencana menarik yang berkisar pada tema Abad Asia, globalisasi, tradisi ilmu dan kepemimpinan. Selain rencana Dr Mahathir Mohamad yang bertajuk *The Asia Century - A Malaysian Perspective* - yang barangkali sudah menjadi pengetahuan umum kerana sedutan ucapan beliau di forum Malaysia-China ini juga disiarkan oleh akhbar-akhbar tempatan, beberapa rencana yang ditulis oleh pemikir tempatan dan luar turut mengajak khalayak pembaca merenung masa depan bersama.

Rencana Abdul Rahman Embong yang bertajuk *Tradisi Intelektual dan Kebangkitan Semula Asia* mencabar golongan intelektual Asia dan Malaysia khususnya, menyuburkan kembali budaya wacana kritis (*culture of critical discourse*) supaya zaman keserlahan kehidupan baru Asia benar-benar bersifat Asia. Tradisi ilmu dan budaya wacana kritis adalah asas kepada kebangkitan perjuangan kebangsaan yang didukung oleh tokoh-tokoh terkenal Asia seperti Nehru, Rizal, Chou Eng Lai, Sukarno, Ibrahim Yaacob dan sebagainya.

Apakah yang dimaksudkan dengan budaya wacana kritis? Kita turunkan petikan Rahman Embong yang kita rasa amat relevan dalam konteks pembangunan kita hari ini:

"...satu wacana yang mengutamakan daya fikir kreatif dan kritis yang meneropong kelemahan-kelemahan diri di tengah-tengah kejayaan agar dapat melestarikan kejayaan yang dicapai dan mengusahakan kejayaan baru. Budaya wacana kritis bukanlah satu budaya kritikan negatif atau destruktif. Budaya ini mengutamakan analisis dan penilaian yang wajar dan saksama ke atas sesuatu yang dinilai serta kritikan bertanggungjawab ke atas apa yang patut ditegur dengan saranan-saranan yang membina untuk mengatasinya bertolak daripada nilai kebenaran, keadilan, kecemerlangan yang mendasari budaya itu".

Dalam bahasa yang mudah, pembangunan kita akan menjadi tempang jika tradisi intelektual dikuburkan. Golongan pemikir dan intelektual yang menjadi katalis kepada tamadun Yunan, Islam dan kebangkitan Eropah tetap relevan dalam kebangkitan semula Asia. Suara dan kritikan mereka tidak seharusnya dilihat sebagai ancaman sebaliknya diterima sebagai pandangan intelektual yang mewakili kepentingan kemanusiaan dan keadilan.

Abad Asia tidak sama dengan abad Roman. Abad Roman menyaksikan kehidupan mewah berasaskan penindasan dan kekejaman. Raja dan pembesar Rom adalah orang yang paling pandai sekali walaupun hakikatnya mereka bodoh. Pembawa berita buruk akan dibunuh kerana pembesar Rom gemar mendengar berita yang baik dan enak belaka. Tidak ada tradisi intelektual pada abad Roman. Yang ada cuma budaya gladiator dan hamba.

Polemik sihat dalam isu-isu membabitkan negara bangsa sepatutnya menjadi permainan golongan intelektual. Mereka tidak takut untuk menegur dan mengkritik sesiapa saja asalkan tegurannya bertanggungjawab. Mereka adalah pejuang utama menentang komprador intelegensia yang menjadi tali barut, dalang dan jembalang dalam sistem ekonomi pasaran bebas yang bernafsu konsumerisme.

Dalam majalah yang sama, rencana Renato Constantino bertajuk *Globalisation and The Intellectual Tradition* meletakkan tanggungjawab yang berat kepada golongan intelektual bagi menceritakan kebenaran dan mendedahkan pembbohongan, walaupun pembbohongan itu datangnya daripada kerajaan sendiri.

Kata beliau golongan intelektual adalah sumber yang amat bernilai kerana mereka boleh membentuk sebuah masyarakat sarjana yang dedikasi kepada perkembangan minda untuk berkhidmat kepada bangsanya. Daya fikir dan daya cipta mereka mewakili semangat bangsanya bagi membenteng rempuhan budaya Barat yang bersifat perosak.

Tradisi intelektual dan budaya wacana kritis tidak akan kembang subur sekiranya perkembangan ekonomi pasaran bebas tidak diikuti dengan kebebasan berfikir, bersuara dan menegur. Sekiranya pemimpin politik dan pemerintah bebas melaksanakan wawasan politiknya, maka kebebasan yang sama perlu diberi kepada golongan intelektual untuk menyumbang pandangan mereka. Mereka berhak menegur mengikut bidang mereka dan teguran ini sepatutnya dilihat sebagai perkongsian ilmu bagi memantapkan lagi kemajuan bangsa.

Intelektual dan politik tidak boleh dipisahkan jika kita benar-benar hendak membina sebuah tamadun Asia yang baru. Kedua-duanya ada kelemahan dan kekuatan masing-masing. Kalau ahli politik tidak boleh mendakwa mereka saja yang benar dan betul, maka intelektual juga tidak seharusnya memiliki sikap angkuh kononnya mereka saja yang pandai. Kedua-duanya harus sedar, kita bukannya membina istana pasir yang cuma cantik dilihat tetapi mudah runtuh. Kita sebenarnya mahu membina tamadun bangsa.

(END)